

Infografik Sebagai Media Penyebaran Hadis Adab Menyambut Bulan Syawal

Infographics as A Medium for Dispersion of Hadith in Shawwal Celebration

Nurnajwa Izzati Ahmad¹, Nur Zainatul Nadra Zainol^{2*}

¹ Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA

² Jabatan Penyelidikan dan Penerbitan & Dokumentasi, Insitut Ahli Sunnah Wal Jamaah
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 83600 Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

*Corresponding Author: nadra@uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/jqsr.2024.05.02.001>

Maklumat Artikel

Diserah: 31 Mei 2024

Diterima: 2 Julai 2024

Diterbitkan: 15 Disember 2024

Kata Kunci

Adab syawal, infografik, kepentingan media

Abstrak

Infografik ialah sebuah jenis media yang menggabungkan pelbagai unsur seperti grafik, ilustrasi, dan teks dalam satu bentuk visual yang sama. Ketika Aidilfitri, adab-adab dan etika ketika sambutan syawal hendaklah dipraktikkan dan ditekankan dalam kalangan masyarakat Islam apabila aspek pengamalan adab ketika beraya masih kurang dititikberatkan. Lantaran itu, penyampaian hadis berkaitan adab Syawal dalam bentuk infografik merupakan usaha tindakan yang bersesuaian dengan peredaran masa kini. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis isi kandungan hadis berkaitan adab Syawal serta penggunaan media infografik sebagai medium untuk penyampaian maklumat. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah secara analisis kandungan iaitu kitab-kitab hadis. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat 30 buah hadis yang ditemakan kepada adab menyambut Syawal berdasarkan kepada syarah hadis yang seterusnya disebarkan menerusi infografik dalam media sosial. Fungsi infografik yang mampu menarik minat para pembaca disebabkan oleh kandungannya yang berunsur grafik dan informasi menyebabkan penggunaan media sangat diperlukan untuk menyampaikan maklumat kepada khalayak. Walaupun terdapat pelbagai kaedah dalam penyampaian dan penyebaran maklumat, namun kepentingan media yang mempunyai peranan besar dalam masyarakat menjadikan media sebagai pilihan yang terbaik untuk menyebarkan ilmu pengetahuan.

Keywords

Syawal etiquette, infographics, importance of media

Abstract

Infographics are a type of media that combines various elements such as graphics, illustrations and texts in the same visual form. During eid fitr celebration, mannerism and etiquette while celebrating shawwal should be practiced and emphasized among Muslims community as the level of self-practice of etiquette during eid celebrations are still low. Therefore, dispersion of hadiths related to Shawwal and its manners through infographics is such a great effort that suits current digital era. Thus, this

article aims to analyse the hadiths of shawwal and its etiquettes while identifying infographics media as a medium to disperse knowledge. This study is a qualitative study conducted through analysing the master books of hadiths. Study findings show that there are 30 different manners related to shawwal celebration based on the explanation of the hadiths which said hadiths are spread in social medias through infographics, meanwhile only six hadiths are chosen for analysing purpose in this study. The impact of infographics which able to get the readers intrigued because of its graphic and informative elements further encouraged the use of medias to convey informations to society. Even though there are various methods in conveying and spreading information, but the importance of media which holds a big role among living society making it the best choice as a medium to disperse knowledge.

1. Pengenalan

Takwim hijrah atau kalendar Islam merupakan takwim bagi umat Islam berdasarkan kepada kiraan tahun hijrah. Figura tokoh Islam yang menyumbang kepada penciptaan kalendar ini ialah Umar Al-Khattab, sahabat Rasulullah SAW merangkap *Khulafa' Rasyidin* yang kedua. Syawal merupakan salah satu bulan di bawah kalendar ini iaitu terletak antara bulan Ramadan dan bulan Zulkaedah. Umumnya, salah satu perayaan terpenting bagi umat Islam yang terkandung di dalam bulan ini ialah sambutan raya Aidilfitri iaitu sejurus selepas sempurna melaksanakan kewajipan puasa sebulan bulan Ramadan.

Di Malaysia, kebiasaannya, umat Islam mengambil peluang untuk meluangkan masa bersama keluarga dengan pulang ke kampung halaman masing-masing untuk menyambut hari raya aidilfitri bersama-sama dengan kaum keluarga dan sanak-saudara, malah turut mengambil kesempatan untuk saling ziarah-menziarahi sesama kenalan. Terdapat pelbagai amalan tradisi yang sering dilakukan oleh umat Islam ketika berhari raya. Namun, senario pada masa kini memperlihatkan betapa kurangnya pengamalan adab dan etika ketika menyambut perayaan Aidilfitri. Walaupun perayaan ini disambut saban tahun, namun kesedaran berkaitan adab dalam berhari raya masih kurang ditekankan dan ditiitkberatkan. Justeru, kajian ini meneroka adab-adab dan etika semasa menyambut Syawal melalui penelitian terhadap hadis Rasulullah SAW dan kemudiannya menggunakan infografik sebagai medium penyampaian dan penyebaran hadis berkaitan adab tersebut.

Asbab di sebalik penggunaan infografik ialah kerana keperluan kepada pengetahuan dan kesedaran berkaitan adab yang boleh diamalkan dalam bulan perayaan iaitu Syawal dalam kalangan setiap lapisan masyarakat untuk disebarkan dengan lebih meluas memandangkan infografik merupakan sebuah jenis komunikasi visual yang disebarkan melalui media massa terutamanya media sosial (Alif Nawi et. al, 2019). Kandungan infografik yang menggabungkan elemen grafik, bentuk, informasi dan visual beserta susun atur yang sesuai berfungsi untuk menarik minat dan perhatian para pembaca iaitu masyarakat untuk menambah pengetahuan yang disediakan oleh infografik.

2. Sorotan Literatur

2.1 Infografik Sebagai Platform Penyebaran Maklumat

Infografik merupakan suatu jenis media yang sering digunakan untuk tujuan penyebaran maklumat, terutamanya dalam media massa dalam konteks masa kini. Ungkapan istilah infografik berasal dari perkataan bahasa inggeris iaitu *information* (maklumat) dan *graphic* (grafik). Maka, gabungan antara kedua-dua perkataan tersebut membawa maksud gambaran persembahan tentang informasi atau data di mana menggabungkan pelbagai unsur seperti bentuk, simbol, grafik, ilustrasi, gambar dan teks dalam satu bentuk visual yang sama (Alif Nawi et. al, 2019). Isi kandungan yang dipaparkan dalam infografik haruslah ringkas dan menarik disebabkan sifatnya yang berperanan untuk menarik minat para pembaca agar menelaah isi kandungan dan mengambil tindakan sebagaimana yang dipromosikan menerusi suatu infografik tersebut (Aliff Nawi et. al, 2020). Ciri-ciri infografik yang baik ialah ciri persembahan isi kandungan yang ringkas dan efisien dengan maklumat, susun atur yang berkesan dan visual yang menarik serta sesuai dengan keadaan (Alif Nawi et. al, 2019). Selain itu, elemen informasi atau bermaklumat dan bersifat pujukan (*persuasive*) turut diterapkan dalam infografik sebagai daya tarikan kepada para pembaca untuk memastikan penyampaian dan pemahaman maklumat yang lebih berkesan. Hal ini disokong Davidson (2014) dan Lamb dan Jhonson (2014) yang menambah bahawa infografik perlu mempunyai ciri *self-explanatory* iaitu kemampuan untuk menyampaikan maklumat dengan jelas melalui rekaan infografik, maka kemahiran dalam mencipta infografik yang menarik dan inovatif dalam diri pereka juga memainkan peranan yang besar dalam memastikan penyampaian maklumat yang berkesan kepada diri pembaca (Aliff Nawi et. al, 2020).

Sejarah menunjukkan bahawa infografik telah mula digunakan sejak zaman tamadun mesir purba, malah dipercayai sejak Zaman poleolitik lagi melalui penggunaan simbol pada sistem penulisan hieroglif dan penemuan lukaran lukisan atas batu di Gua Lascaux. Infografik kemudiannya mula diperkenalkan semula oleh William Playfair ketika abad ke-18 dan ianya semakin berkembang, malah lebih giat digunakan pada akhir abad ke-20 sehinggalah kini dengan kemunculan komputer serta perisian seperti *Microsoft Office* (Alif Nawi et. al, 2019). Tambahan lagi, kemajuan dalam bidang teknologi moden mendorong kepada peningkatan dalam tahap penggunaan internet dan media sosial yang ketara sejak kebelakangan ini dilihat menyumbang kepada wujudnya pelbagai laman web dan aplikasi yang bertumpu pada reka bentuk grafik serta visual disebabkan minat yang ketara dalam diri masyarakat terhadap grafik dan visual, termasuklah bidang rekaan seperti poster dan infografik. Maka, pemilihan infografik sebagai medium dalam penyampaian ilmu berkaitan adab Syawal adalah disebabkan oleh faktor infografik mempunyai keberkesanan yang efektif dalam aspek penyampaian maklumat serta melihat kepada betapa pentingnya komunikasi visual sebagai salah satu bentuk komunikasi yang perlu diamalkan pada masa kini.

2.2 Keperluan dan Keberkesanan Penggunaan Infografik Dalam Hadis

Hadis merupakan salah satu rujukan terpenting dalam hidup manusia apabila hadis disebut sebagai sumber rujukan utama yang kedua selepas al-Quran. Di Malaysia, pengajian hadis pada masa kini terbahagi kepada pengajian secara formal seperti sekolah, kolej dan universiti, manakala pengajian secara tidak formal merangkumi pengajian di masjid, surau dan pondok (Wahyu Hidayat Abdullah et. al, 2018). Pengajian hadis kini dilihat telah berlaku secara meluas berbanding pada peringkat awal di mana pengajian dilakukan di pondok-pondok atau surau sahaja. Walaupun pengajian hadis telah berkembang dengan lebih luas di Malaysia, namun tahap pendedahan masyarakat terhadap hadis masih kurang berbanding dengan pendedahan dan pengetahuan dalam ilmu al-Quran. Sedangkan usaha-usaha dari pelbagai pihak untuk meningkatkan pengetahuan masyarakat terhadap hadis semakin dipergiatkan sehingga ke hari ini (Tengku Zawani Tengku Zawawi, 2022). Antara contoh usaha yang dapat dilihat ialah apabila hadis sudah mula diajar secara atas talian sama ada melalui *youtube*, *facebook*, *google meet* dan lain-lain. Malah, terdapat juga usaha dari pihak institusi pengajian tinggi iaitu sesetengah universiti yang melaksanakan pelbagai kelas terbuka, program dan webinar berkaitan hadis yang boleh disertai bukan sahaja pelajar, malah masyarakat umum.

Usaha tersebut menunjukkan bahawa pelbagai pihak telah mula mengambil bahagian dalam usaha meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat dalam ilmu hadis khususnya, namun masih kurang sambutan yang diterima. Hal ini mendorong kepada keperluan dalam penyebaran ilmu melalui kandungan grafik seperti poster dan infografik di samping kemahiran dari para ilmuwan dan penuntut ilmu yang mahir dalam ilmu hadis untuk merangka dan menyusun isi kandungan yang tepat berkaitan dengan hadis selain daripada kemahiran dalam pemilihan rekaan yang menarik dan bersesuaian (Hidayah Mohd Fadzil, 2020). Namun, amatlah perlu ditekankan bahawa rujukan pada hadis turut memerlukan kepada kefahaman dan cara berinteraksi yang betul untuk mengelakkan salah faham dan kekeliruan ke atas konteks makna di sebalik hadis berlaku, malah tersebar ke dalam kalangan masyarakat. Maka, pengetahuan dan kefahaman yang tepat ke atas ilmu hadis dan cabang-cabangnya amatlah penting serta turut dipelajari untuk memastikan tiadanya kekeliruan dan salah guna terhadap hadis (Hidayah Mohd Fadzil, 2020).

Keperluan untuk menggunakan infografik seiring dengan perkembangan dan perubahan dalam era globalisasi kini. Integrasi media grafik dalam ilmu hadis adalah diperlukan, sepertimana situasi masyarakat yang celik IT. Dari segi perkembangan dunia digital, persembahan dalam bentuk visual amat membantu dalam penyebaran maklumat yang berkesan. Oleh itu, secara tidak langsung penggunaan infografik turut menjadi keperluan sebagai salah satu inisiatif dalam penyebaran maklumat kerana masyarakat lebih tertarik kepada persembahan secara visual dan grafik. Hal ini membuktikan tentang keperluan terhadap penggunaan infografik dalam hadis. Manakala dari segi internet dan media sosial, penggunaan infografik dalam dunia maya membolehkan untuk maklumat disebarkan dengan lebih pantas berbanding kandungan secara bercetak kerana fungsi internet yang membolehkan suatu maklumat lebih mudah dikongsi kepada khalayak umum. Ditambah lagi dengan susunan reka bentuk infografik yang ringkas, menarik dan mudah difahami pastinya akan menarik minat para pembaca untuk membaca dan menghadam ilmu dengan lebih baik. Tambahan lagi, menurut Branford (2004), beliau menyatakan bahawa golongan penyampai yang bergantung kepada bantuan visual ialah sebanyak 43% lebih berkesan berbanding teks untuk meyakinkan para pembaca atau penonton (Sharul Azim Sharudin et. al, 2020). Maka, tidak dinafikan bahawa penyampaian hadis melalui infografik adalah berkesan untuk meningkatkan pengetahuan masyarakat berkaitan hadis.

Selain itu, keperluan terhadap penggunaan infografik juga didorong atau dipengaruhi oleh kesan media itu sendiri apabila kandungan media massa membantu dalam membentuk perwatakan individu melalui proses sosialisasi dan mempengaruhi keperibadian atau tingkah laku individu. Malah, ia mempunyai kuasa mengubah gaya hidup masyarakat terutamanya kandungan media sosial yang berupaya mempengaruhi pengguna muda

kerana kadar penggunaan yang tinggi dalam masyarakat. Selain kelebihan dan manfaat, media ini juga mendatangkan kesan buruk disebabkan oleh sisi negatif yang berpunca daripada media sosial dan pengguna itu sendiri. Wujudnya kemungkinan di sebalik penyalahgunaan media sosial membawa kepada keperluan agar hadis disebarkan agar masyarakat akan menimba pengetahuan dan ilmu berbanding kandungan lain yang bersifat melalaikan, tidak mendatangkan faedah dan mengelakkan terpengaruh dengan gejala negatif (Tengku Zawani, 2022).

Dari segi keberkesanan infografik pula, suatu kajian oleh Sharul Azim Sharudin et. al (2020) menyatakan bahawa berdasarkan kajian, akaun media sosial rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menunjukkan peningkatan dari segi sambutan dan interaksi dari masyarakat apabila bilangan pengikut dan komen-komen positif pada hantaran adalah menggalakkan selepas banyak perkongsian infografik mengenai kesedaran berkaitan kesihatan mula dimuat naik. Selain itu, masyarakat juga mula peka terhadap setiap hantaran yang dimuat naik oleh akaun rasmi kerana isu-isu atau maklumat yang dikongsi atau dikeluarkan oleh KKM mula mendapat perhatian ramai serta menjadi topik perbincangan dan bualan ramai dalam kalangan masyarakat terutamanya dalam media sosial. Bukan sahaja masyarakat awam, malah pihak media, wartawan dan figura penting seperti pihak menteri turut menggunakan infografik yang dikeluarkan oleh pihak kementerian kesihatan. Dapat disimpulkan bahawa mesej dan informasi yang disampaikan oleh KKM melalui penggunaan infografik dalam media sosial adalah berkesan dan berjaya mencapai tujuan serta golongan sasaran yang dimahukan seiring dengan peranan infografik iaitu penyebaran dan penyampaian ilmu dengan lebih berkesan.

2.3 Kepentingan Media Sebagai Medium Dalam Penyebaran Ilmu

Definisi media menurut Kamus Bahasa Melayu ialah alat atau perantara komunikasi (perhubungan) seperti radio, televisyen dan akhbar. Media massa ialah suatu bentuk komunikasi secara visual atau massa terbahagi kepada beberapa jenis media, antaranya media cetak, media elektronik dan media sosial. Bagi media cetak, merangkumi akhbar, majalah, buku, poster melibatkan objek bersifat fizikal dan penerbitan berbentuk tulisan, kertas dan percetakan. Media elektronik pula termasuklah televisyen, telefon pintar, komputer manakala media sosial merangkumi platform-platform atas talian seperti whatsapp, tiktok dan Instagram. Oleh itu, peredaran zaman pada masa kini yang semakin maju terutamanya dalam bidang teknologi digital, maklumat dan komunikasi menjadikan tahap penggunaan internet dan media sosial meningkat dengan ketara dalam kalangan masyarakat. Internet telah menjadi sebahagian daripada kehidupan manusia dengan wujudnya pelbagai platform atas talian bagi tujuan komunikasi, perniagaan, urusan perbankan, pembelajaran, sosial dan sebagainya (Alif Nawi et. al, 2019). Maka, persekitaran digital telah menjadi suatu kebiasaan dalam kalangan masyarakat global apabila gajet-gajet seperti telefon pintar telah menjadi sebuah keperluan dalam kehidupan seharian disebabkan penggunaan internet yang semakin meluas. Dalam konteks kajian, infografik juga merupakan salah satu jenis media berbentuk gabungan visual dan maklumat. Dapat dilihat bahawa salah satu peranan media adalah berfungsi sebagai medium penyebaran serta perkongsian ilmu kepada masyarakat dengan jaminan kadar capaian yang lebih luas kepada golongan sasaran berbanding medium-medium lain disebabkan masyarakat pada zaman ini yang hidup dalam persekitaran digital.

Terdapat pelbagai kepentingan media dalam penyampaian maklumat kepada masyarakat. Antaranya adalah media dilihat sebagai pendekatan yang sesuai memandangkan peratus bilangan pengguna internet pada peringkat global menunjukkan kepada keperluan untuk menggunakan media sebagai salah satu medium utama dalam penyampaian dan penyebaran maklumat. Di Malaysia, menurut analisis data dan kajian yang dilakukan oleh Social Media Statistics in Malaysia 2024, populasi penduduk Malaysia yang menggunakan internet adalah seramai 33.59 juta orang bersamaan dengan 97.4 peratus dari jumlah keseluruhan penduduk iaitu 34.49 juta manusia. Hal ini membuktikan majoriti rakyat negara ini telah menjadikan internet sebagai sebahagian dari kehidupan seharian (Sue Howe, 2024). Corak peningkatan dalam kepenggunaan internet ini berlaku dengan ketara ketika pandemik COVID-19 pada tahun 2019 di mana internet dan perkhidmatan-perkhidmatan atas talian memainkan peranan besar dalam memastikan kelangsungan hidup rakyat. Ketika itu, media sosial merupakan saluran utama dalam penyampaian maklumat-maklumat penting berkenaan dengan situasi COVID-19 sama ada informasi tentang situasi dalam negara dan luar negara (Alif Nawi et. al, 2019). Malah, rakyat turut menggunakan media untuk berhubung dan berkomunikasi antara satu sama lain di samping membolehkan mereka menghulurkan bantuan kepada masyarakat lain yang memerlukan. Fungsi media membolehkan masyarakat mengetahui situasi dan isu-isu semasa melalui laporan berita dari para wartawan, gambar-gambar dalam negara sekitar tempoh PKP dan infografik-infografik mengenai pandemik COVID-19 serta berfungsi sebagai penghubung dalam komunikasi antara pihak kerajaan dan rakyat. Senario ini membuktikan bahawa media adalah medium terpenting untuk berhubung dan berkomunikasi sesama masyarakat, lebih-lebih lagi dalam aspek penyampaian maklumat.

Selain itu, fungsi media iaitu media massa yang mempunyai akses yang mudah membolehkan masyarakat untuk menimba ilmu tidak kira tempat dan masa, terutamanya media massa yang melibatkan internet seperti media sosial. Hal ini demikian dengan mengaplikasikan fungsi akses internet iaitu sebagai sebuah medan untuk menyebarkan ilmu (Mohamad Syamsul Aiman Mohamad Saufi et. al, 2019). Bukan itu sahaja, internet dan media massa turut membuka ruang perbincangan dan perkongsian sesama masyarakat tanpa perlu untuk bersua muka atau merentasi benua. Perkara ini terutamanya melalui media sosial yang memudahkan masyarakat untuk menerima ilmu yang disampaikan dan mendorong kepada pertukaran pendapat yang pelbagai dan seterusnya membawa kepada penyebaran maklumat yang lebih meluas disebabkan oleh algoritma sesetengah media sosial yang bergantung kepada jumlah interaksi pengguna. Semakin banyak interaksi yang diterima, semakin tinggi kebarangkalian untuk maklumat tersebar dengan lebih jauh dan semakin luas juga capaian kepada para pengguna internet yang lain. Tambahan lagi, golongan yang berpendidikan dan mereka yang gemar berkongsi ilmu kepada khalayak turut memanfaatkan media sosial sebagai salah satu platform penyampaian ilmu pengetahuan disebabkan oleh fungsinya yang pelbagai dan membolehkan untuk mencapai sasaran yang dimahukan (Muhammad Adil Fikri Mohd Hamizi, 2023).

Di samping itu, kebolehan internet yang mampu mempengaruhi fikiran dan gaya hidup masyarakat membawa kepada munculnya pelbagai sisi positif dan sisi negatif terhadap masyarakat. Hasil dari pemerhatian umum mendapati bahawa gaya hidup masyarakat sering dipengaruhi oleh kandungan dalam media sosial dan internet (Mohamad Syamsul Aiman Mohamad Saufi et. al, 2019). Hal ini membuktikan kuasa media yang seterusnya menyumbang kepada kuasa rakyat atau masyarakat sebagai pengguna, boleh memberi kesan terhadap suatu organisasi dan imej dan pengurusan sama ada perniagaan, institusi kerajaan atau swasta, syarikat dan perusahaan tidak kira besar atau kecil, malah agama dan pentadbiran sesebuah negara. Contohnya, isu boikot rentetan dari kezaliman rejim Zionis Israel ke atas penduduk Palestin. Kezaliman atau *genocide* yang berlarutan mendorong kepada panggilan untuk memboikot syarikat-syarikat yang menyokong tindakan Zionis.

Isu semasa mengenai tindakan syarikat Zeus yang berkolaborasi dengan Puma iaitu sebuah syarikat berjenama yang menyokong zionis menimbulkan kemarahan rakyat mendorong kepada syarikat Zeus untuk mengeluarkan sebuah kenyataan. Namun, kenyataan tersebut yang menggunakan istilah seakan mengambil pendirian untuk tidak berpihak kepada mana-mana pihak membawa kepada usaha panggilan boikot ke atas syarikat tersebut. Kesan serta merta dapat dilihat apabila beberapa pengguna melaporkan jumlah pembeli berkurangan dengan sangat ketara, lalu kenyataan kali kedua dikeluarkan sekali lagi untuk menyatakan semula pendirian mereka iaitu menyokong Palestin dan mengutuk tindakan zionis. Kronologi dari situasi ini membuktikan betapa besar pengaruh internet ke atas fikiran, tindakan dan gaya hidup masyarakat di mana penyebaran dan penyampaian ilmu yang bermanfaat akan mempengaruhi pemikiran masyarakat ke arah positif, iaitu pembinaan minda dan jati diri yang teguh, berilmu, berasaskan kepada agama, serta gaya hidup masyarakat yang sihat fizikal, mental dan rohani (Hidayah Mohd Fadzil, 2020). Malah, melalui penyebaran ilmu dan maklumat yang bermanfaat melalui internet dapat menghindari masyarakat dari terjebak dengan jenayah dan gejala sosial serta seterusnya membendung kadar jenayah negara (Muhammad Adil Fikri Mohd Hamizi, 2023). Kepentingan media yang memberi akses mudah kepada para pengguna turut dapat mengelakkan dari berlakunya masalah berkaitan perkauman dan perselisihan agama apabila pihak berautoriti dapat menangkis maklumat yang salah, kekeliruan serta salah faham melalui hujung jari sahaja.

3. Metode Kajian

Kajian kualitatif ini menerusi pendekatan kajian pemerhatian dan analisis kandungan. Kajian ini menggunakan kitab-kitab hadis dan kitab-kitab syarah hadis sebagai rujukan utama dalam pengumpulan data. Manakala jurnal, artikel dan tesis berautoriti dari laman web menjadi rujukan sekunder bagi memastikan kesahihan sumber maklumat seperti artikel Keperluan Penggunaan Infografik Bagi Penyebaran Maklumat Kepada Netizen Tentang Usaha & Inisiatif Institusi Zakat Di Malaysia oleh Alif Nawawi et. al (2019). Data yang diperoleh seterusnya dianalisis secara tematik iaitu pengkaji membina tema yang bersesuaian berdasarkan kepada kandungan dan syarah hadis seperti artikel #1038: Adab Menyambut Hari Raya oleh Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2022). Kemudian tema-tema ini dianalisis secara deskriptif.

4. Hasil Kajian Dan Perbincangan

4.1 Analisis Hadith Berkaitan Syawal

Berdasarkan kepada analisis kandungan yang telah dilakukan, terdapat sebanyak 30 buah hadis telah dikeluarkan dan dikumpulkan berkaitan adab menyambut Syawal. Asbab di sebalik himpunan hadis adab ini adalah untuk dijadikan sebagai poster infografik di mana semua infografik tersebut seterusnya disebarkan dalam kalangan masyarakat melalui media sosial. Sebanyak 6 buah hadith yang dipilih bagi kajian ini di mana hadis-hadis yang dipilih diambil dari *al-kutub al-sittah* sahaja. Hal ini kerana terdapat hadis-hadis lain berkaitan

adab Syawal yang bersumberkan kitab hadis selain *al-kutub al-sittah* seperti Musnad Imam Ahmad tetapi tidak digunakan bagi kajian ini. Selain itu, hadis yang dipilih hanyalah hadis yang berstatus *sahih* dan *hasan* sahaja kerana terdapat juga hadis lain berkaitan adab syawal yang berstatus *dhaif*, namun tidak digunakan dalam kajian ini. Pemilihan 6 buah hadis daripada jumlah 30 buah hadis juga bertujuan untuk memperoleh hasil kajian yang lebih tepat dan berfokus. Hadis pilihan adalah sebagaimana dalam Jadual 1.0 berikut:

Jadual 1 Analisis kandungan kitab hadis terpilih

Bil.	Hadis	Terjemahan	Sumber
1	عَنْ أَبِي أَيُّوبَ الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ حَدَّثَهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ "مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتْبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ"	"Sesiapa yang berpuasa Ramadan, kemudian diikuti dengan enam hari puasa pada bulan Syawal, maka itu adalah seperti puasa sepanjang tahun."	Sahih Muslim (1164)
2	عَنْ أَنَسٍ، قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يَغْدُو يَوْمَ الْفِطْرِ حَتَّى يَأْكُلَ تَمْرَاتٍ. وَقَالَ مُرْجَى بْنُ رَجَاءٍ: حَدَّثَنِي عُبَيْدُ اللَّهِ قَالَ: حَدَّثَنِي أَنَسٌ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: وَيَأْكُلُهُنَّ وَتَرًا.	"Sesungguhnya Rasulullah SAW tidak keluar pada pagi hari Raya al-Fitri, sehinggalah Baginda makan terlebih dahulu beberapa biji tamar... dan baginda memakannya dalam jumlah yang ganjil."	Sahih Al-Bukhari (953)
3	عَنْ أَبِي شَرِيحٍ الْكَلْبِيِّ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ جَائِزَتُهُ يَوْمُهُ وَلَيْلَتُهُ الضَّيْفَةُ ثَلَاثَةُ أَيَّامٍ وَمَا بَعْدَ ذَلِكَ فَهُوَ صَدَقَةٌ وَلَا يَحِلُّ لَهُ أَنْ يَنْوِي عِنْدَهُ حَتَّى يُخْرِجَهُ"	"Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka muliakanlah tetamunya, memberi hidangan selama satu hari dan satu malam (layanan terhadap tetamu) adalah selama tiga hari dan yang lebih dari itu adalah sedekah, dan tidak boleh bagi tetamu itu untuk duduk lama sehingga tuan rumah boleh mengeluarkannya."	Sunan Abi Dawud (3748)
4	عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَا يُؤْذِ جَارَهُ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَبِثْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ".	"Sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat makan jangan sakiti jirannya. Dan sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat maka muliakanlah tetamunya. Juga sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat maka berkatalah dengan perkataan yang baik atau hendaklah dia diam."	Sahih Al-Bukhari (6136)
5	عَنِ النَّعْمَانِ بْنِ بَشِيرٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: تَوَاعُطُفُهُمْ، مَثَلُ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ، تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهَرِ وَالْحُمَّى	"Perumpamaan golongan yang beriman pada sifat berkasih sayang, saling merahmati, dan saling membantu adalah seperti suatu badan. Apabila ada anggota badan yang sakit, ia menyebabkan keseluruhan tubuh badan tidak dapat tidur dan juga menjadi demam."	Sahih Muslim (2586)
6	عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "صِنْفَانِ مِنْ أَهْلِ النَّارِ لَمْ أَرَهُمَا، قَوْمٌ مَعَهُمْ سِيَاطٌ كَأَدْنَابِ الْبَقَرِ يَضْرِبُونَ بِهَا النَّاسَ، وَنِسَاءٌ كَاسِيَاتٌ عَارِيَّاتٌ، مُمِيلَاتٌ مَائِلَاتٌ، رُءُوسُهُنَّ كَأَسْنِمَةِ الْبُخْتِ الْمَائِلَةِ، لَا يَدْخُلْنَ الْجَنَّةَ، وَلَا يَجِدْنَ رِيحَهَا، وَإِنَّ رِيحَهَا لَيُوجَدُ مِنْ مَسِيرَةِ كَذَا وَكَذَا"	"Ada dua golongan dari ahli neraka yang belum pernah saya lihat keduanya itu: (1) Kaum yang membawa cambuk seperti ekor sapi yang mereka pakai buat memukul orang (penguasa yang kejam); (2) Perempuan-perempuan yang berpakaian tetapi telanjang, yang cenderung kepada perbuatan maksiat dan mencenderungkan orang lain kepada perbuatan maksiat, rambutnya sebesar punuk unta. Mereka ini tidak akan boleh masuk syurga, serta tidak dapat mencium bau syurga, padahal bau syurga itu tercium sejauh perjalanan demikian dan demikian."	Sahih Muslim (2128)

Perincian hadis terpilih seperti berikut:

(i) Analisis Hadis Pertama: Hadis Sahih Muslim (1164).

عَنْ أَبِي أَنُوبٍ الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّهُ حَدَّثَهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ "مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتْبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ"

Hadis ini mengandungi maksud di sebalik adab menyambut Aidilfitri sebagaimana terjemahan hadis. Menurut kitab Syarah Al-Nawawi, para sahabat berkata bahawa sebaik-baik berpuasa bagi puasa enam ialah berpuasa selama enam hari berturut-turut selepas hari raya Aidilfitri (1 Syawal). Namun jika seseorang itu memisahkan puasanya iaitu tidak dilakukan secara berturut-turut atau melambatkan puasanya dari awal Syawal hingga akhir bulan syawal, fadhilat dari puasa enam bulan itu akan tercapai asalkan puasa sunat itu diyakini mencukupi sebanyak enam hari. Para ulama berkata bahawa puasa sunat enam pada bulan Syawal ibarat berpuasa sepanjang tahun.

Menurut kitab *Siraj Al-Wahhaj*, makna zahir daripada hadis ini ialah memadai dengan berpuasa enam hari pada bulan Syawal, sama ada pada awal, pertengahan atau akhir bulan. Selain itu, tidak diletakkan syarat sama ada puasa Syawal perlu dilakukan secara berturut-turut (bersambung) atau secara berpisah-pisah pada bulan tersebut, kecuali pada 1 Syawal di mana dilarang untuk berpuasa pada hari tersebut. Maka, hukum puasa enam ketika Syawal adalah disunatkan di mana berpuasa secara berturutan selama enam hari adalah lebih baik. Pengamalan puasa enam dilihat sebagai salah satu adab semasa menyambut syawal.

(ii) Analisis Hadis Kedua: Hadis Sahih Al-Bukhari (953).

عَنْ أَنَسٍ، قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يَغْدُو يَوْمَ الْفِطْرِ حَتَّى يَأْكُلَ تَمْرَاتٍ. وَقَالَ مُرْجَى بْنُ رَجَاءٍ: حَدَّثَنِي عَبْدُ اللَّهِ قَالَ: حَدَّثَنِي أَنَسٌ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: وَيَأْكُلُهُنَّ وَثَرًا.

Hadis ini mengandungi maksud di sebalik adab solat sunat hari raya Aidilfitri sebagaimana terjemahan dan syarah hadis. Menurut kitab Fath Al-Bari, hikmah makan sebelum solat sunat raya ialah supaya tiada yang beranggapan bahawa kewajipan berpuasa pada bulan Ramadan masih bersambung sehingga bulan Syawal dan menepis anggapan tersebut dari pemikiran orang lain. Manakala, menurut kitab Fath Al-Bari Ibnu Hajar (1986), maksud di sebalik hadis menunjukkan bahawa makan sebelum keluar menuju ke solat sunat hari raya adalah tidak wajib dan merupakan suatu sunnah. Nas Al-Syafie' pula berkata bahawa meninggalkan perbuatan tersebut ialah makruh. Makan sebelum solat sunat raya adalah supaya Syawal dilihat berlainan dengan Ramadan iaitu tindakan itu menyalahi dengan hukum makan dalam bulan Ramadan iaitu diharamkan makan pada siang hari.

Dari kitab Al-Taudih (2008), Al-Daraqatni dari Ibnu Mas'ud berkata berkaitan perihal makan sebelum solat raya, ia adalah sunnah dan merupakan pilihan seseorang di mana jika seseorang itu mahu makan, maka dia makan dan jika seseorang itu tidak mahu, maka tidak mengapa. Adapun disunnahkan untuk makan pada hari raya Aidilfitri sebelum solat sebagaimana pernyataan sebelumnya dan sebahagian mengatakan bahawa diperintahkan untuk makan dalam perjalanan. Oleh itu, makan sebelum pergi menuju untuk menunaikan solat sunat raya merupakan salah satu adab ketika pagi raya 1 Syawal sebelum solat sunat hari raya aidilfitri dan diletakkan di bawah kategori tema adab solat sunat hari raya Aidilfitri.

(iii) Analisis Hadis Ketiga: Hadis Sunan Abi Dawud (3748).

عَنْ أَبِي شُرَيْحٍ الْكَعْبِيِّ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ جَائِزَتُهُ يَوْمُهُ وَلَيْلَتُهُ الضِّيَافَةُ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ وَمَا بَعْدَ ذَلِكَ فَهُوَ صَدَقَةٌ وَلَا يَجِلُّ لَهُ أَنْ يَتَوَيَّعَ عِنْدَهُ حَتَّى يُخْرِجَهُ"

Hadis ini menerangkan tentang keperluan kepada tetamu agar menghormati waktu tuan rumah sebagai salah satu pembahagian adab di bawah adab menziarahi rumah orang lain. Kitab *Aun al-Ma'bud* (2005) menyatakan bahawa, menurut Al-Nihayah, sebanyak penambahan tiga hari berziarah diberi kepada tetamu di mana pada hari pertama, tuan rumah hendaklah memberi layanan yang terbaik dan mencukupi kepada si tetamu. Pada hari kedua dan ketiga pula, cukup bagi tuan rumah menyediakan dan memberikan apa yang ada serta tidak melebihi kebiasaan, lalu memberi si tetamu sesuatu yang akan bertahan sehari semalam bagi pengembara al-jizah iaitu pengembara panjang yang pergi dari satu tempat ke tempat yang lain.

Syarah bagi potongan matan hadis *Wama ba'da dzalik fahuwa sadaqah*, tetamu dibenarkan untuk menginap lebih dari 3 hari jika tuan rumah memberi kebenaran, namun jika tuan rumah tidak mahu memberi kebenaran maka tuan rumah tidak perlu untuk membenarkan tetamu tinggal di rumahnya selama 3 hari. Selain itu, tidak dibenarkan untuk tetamu duduk dan menginap di rumah tuan rumah sehingga menimbulkan rasa malu dan memberi tekanan kepada tuan rumah apabila tetamu memanjangkan tempoh penginapannya sehingga

menyukarkan pihak tuan rumah. Maka, tetamu hendaklah cakna dan bersikap hormat terhadap waktu tuan rumah.

Oleh itu, berdasarkan hadis, tetamu hendaklah mengamalkan adab ketika menziarahi rumah dengan menghormati waktu tuan rumah. Dari segi adab menyambut Syawal, ia bermaksud tetamu hendaklah memahami situasi tuan rumah dan memilih waktu yang sesuai untuk berziarah. Malah, isi kandungan hadis turut mengandungi tegahan dan teguran kepada para tetamu agar tidak berada di rumah orang lain dalam tempoh yang lama sehingga menimbulkan rasa tidak senang dalam diri tuan rumah. Maka, hadis ini mengandungi maksud di sebalik adab semasa menziarahi rumah orang lain sebagaimana terjemahan dan syarah hadis.

(iv) Analisis Hadis Keempat: Hadis Sahih Al-Bukhari (6136).

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَا يُؤْذِ جَارَهُ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُقِمْ خَيْرًا أَوْ لِيَصُحِّثْ"

Menurut kitab *Umdat Al-Qari* (2001), hadis ini mengandungi perintah untuk menghormati sesama manusia dan tidak membeza-bezakan mereka mengikut pangkat atau kedudukan, dan ia boleh menjadi kewajipan individu. Manakala, menurut Al-Dawudi, pihak tuan rumah hendaklah memuliakan para tetamu dengan baik, malah lebih dari apa yang dia biasa lakukan terhadap keluarganya. Hal ini menunjukkan perintah kepada tuan rumah agar menyambut kedatangan dan ziarah dari para tetamu dengan menyediakan minuman serta juadah, malah ruang duduk yang selesa mengikut kemampuan tuan rumah.

Maka, tuan rumah mestilah memberi berusaha semampu mungkin untuk memberi layanan yang baik baik dan sama rata kepada para tetamu tidak kira pangkat atau kedudukan tetamu tersebut dalam masyarakat terutamanya ketika musim perayaan Aidilfitri di mana amalan ziarah-menziarahi merupakan suatu amalan yang diamalkan oleh kebanyakan umat Islam yang mempunyai kesempatan waktu dan wang. Hal ini kerana semua tetamu berhak untuk menerima layanan yang baik selagimana pihak tetamu turut mengamalkan adab dan etika ketika mengunjungi rumah milik tuan rumah itu. Hadis ini termasuk di bawah adab menyambut dan melayani tetamu dengan memuliakan tetamu sebagai tuan rumah.

(v) Analisis Hadis Kelima: Hadis Sahih Muslim (2586).

عَنِ الثُّعْمَانِ بْنِ بَشِيرٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ، مَثَلُ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ، تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهَرِ وَالْحُمَّى"

Menurut kitab *Siraj Al-Wahhaj*, kandungan hadis bermaksud komunikasi itu hendaklah komunikasi yang mendorong kepada timbulnya kasih sayang seperti saling mengunjungi dan bertegur sapa, malah mengasihani antara satu sama lain sebagai tanda persaudaraan dalam Islam dan tiada sebab lain. Hadis ini turut mengandungi perintah agar umat Islam saling tolong-menolong. Hal ini kerana sebagaimana maksud *sahar* dalam hadith ialah sakit (kerana dalam kesusahan) sehingga menghalang tidur dan *humma* pula bermaksud kehilangan tidur itu membawa kepada demam (*humma*). Perumpamaan seluruh anggota badan ialah jika sebahagian daripadanya menderita, seluruhnya turut menderita iaitu ibarat pokok, jika salah satu cabangnya dilanggar, maka semuanya akan bergegar disebabkan pergerakan tersebut. Hikmah yang terkandung dalam hadis ialah harus menggunakan contoh dan peribahasa untuk mendekatkan makna kepada kefahaman. Hikmah yang kedua ialah menggalakkan sifat belas kasihan, baik hati dan saling membantu dalam perkara kebaikan.

Oleh itu, dalam konteks hadis Syawal, disarankan untuk semua anggota keluarga saling membantu dalam melakukan persiapan Syawal dan ketika tetamu datang berziarah seperti membahagikan tugas sesama sanak saudara serta meringankan beban tugas masing-masing seperti mengemas rumah dan menyusun atur kerusi atau meja. Hal ini kerana ketika hari raya Aidilfitri, kebanyakan dari ahli keluarga dan sanak saudara berkumpul bersama-sama di kampung halaman untuk menyambut Aidilfitri. Amalkan sifat toleransi sesama keluarga dan janganlah sampai perkara ini merosakkan hubungan sesama ahli keluarga sebagaimana perumpamaan anggota tubuh badan dan pokok yang disebutkan dalam hadis. Hadis ini terletak di bawah tema adab sesama ahli keluarga dan kaum kerabat dengan mengamalkan toleransi iaitu saling membantu bagi persiapan raya.

(vi) Analisis Hadis Keenam: Hadis Sahih Muslim (2128).

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "صِنْفَانِ مِنَ أَهْلِ النَّارِ لَمْ أَرَهُمَا، قَوْمٌ مَعَهُمْ سَبَاطٌ كَأَذْنَابِ الْبَقَرِ يَضْرِبُونَ بِهَا النَّاسَ، وَنِسَاءٌ كَاسِيَاتٌ عَارِيَّاتٌ، مُبِيلَاتٌ مَائِلَاتٌ، رُءُوسُهُنَّ كَأَسْنِمَةِ الْبُحْتِ الْمَائِلَةِ، لَا يَدْخُلْنَ الْجَنَّةَ، وَلَا يَجِدْنَ رَحِمَهَا، وَإِنَّ رَحِمَهَا لَيُوجَدُ مِنْ مَسِيرَةٍ كَذَا وَكَذَا"

Menurut kitab *Syarah al-Nawawi*, terdapat tiga jenis yang dimaksudkan dengan “berpakaian tetapi telanjang” pada golongan kedua dalam hadith iaitu mereka yang diselubungi dengan rahmat Allah namun dilucutkan kerana tidak bersyukur kepada-Nya. Jenis yang kedua ialah mereka yang menutup sebahagian dari tubuhnya tetapi menampakkan sebahagian lainnya. Jenis yang ketiga adalah mereka yang memakai pakaian yang nipis sehingga menampakkan warna kulit tubuh badannya. Selain itu, ia juga bermaksud mereka yang memakai pakaian nipis yang menutupi bahagian bawahnya.

Tradisi hari raya Aidilfitri memperlihatkan bahawa pemakaian baju raya yang baru dan cantik serta berwarna-warna dan pelbagai corak dan jenis. Oleh itu, umat islam diingatkan agar memilih pakaian dengan kain yang tebal dan boleh menutup keseluruhan tubuh badan. Manakala, elakkan dari memakai pakaian yang terlalu nipis sehingga menampakkan warna kulit dan tubuh badan. Berdasarkan terjemahan dan syarah hadith, adab yang terkandung dalam hadith ialah adab berpakaian di mana pakaian yang dipakai hendaklah berkain tebal dan tidak terlalu nipis.

4.2 Analisis Tematik Hadis Berkaitan Syawal

Hasil daripada analisis tematik yang dijalankan mendapati bahawa terdapat pelbagai adab dan etika yang perlu diketengahkan dalam menyambut kedatangan Syawal sama ada sebelum dan semasa raya. Sebanyak 30 pembahagian adab telah dipilih dari 6 adab utama iaitu adab menyambut Aidilfitri, adab solat sunat hari raya aidilfitri, adab menziarahi rumah orang lain, adab menyambut tetamu, adab sesama ahli keluarga dan kaum kerabat serta adab berpakaian sebagaimana di dalam jadual berikut beserta sumber:

Jadual 2 Analisis tematik hadis menyambut Syawal

Adab	Pembahagian Adab	Sumber
Adab menyambut Aidilfitri	• Mengisi malam raya dengan ibadat	Sunan Ibnu Majah (1782)
	• Zakat fitrah	Sahih Al-Bukhari (1511)
	• Amalan ziarah-menziarahi	Sunan Ibnu Majah (3251)
	• Puasa enam	Sahih Muslim (1164)
	• Memakai pakaian baru atau cantik	Sahih Ibnu Khuzaimah (1766)
Adab solat sunat hari raya aidilfitri	• Mandi sebelum solat sunat raya	Al-Muwatta' Imam Malik (177/1:2)
	• Makan sebelum solat sunat raya	Sahih Al-Bukhari (953)
	• Pensyariatan solat sunat raya	Sahih Al-Bukhari (989)
	• Keluar ke tempat solat dan balik melalui jalan yang lain	Sahih Al-Bukhari (986)
	• Berjalan kaki	Sunan Ibnu Majah (1295)
	• Solat di kawasan lapang	Sahih Al-Bukhari (956)
	• Takbir raya	Sahih Muslim (2137)
Adab menziarahi rumah orang lain	• Meminta izin sebelum berziarah	Sahih Muslim (2153)
	• Memberi salam	Sahih Bukhari (6236)
	• Memilih masa yang sesuai	Sahih Muslim (2699)
	• Berjabat tangan	Sunan Abi Dawud (5212)
	• Memelihara percakapan dan tutur kata	Sahih Muslim (2988)
	• Menghormati waktu tuan rumah	Sunan Abi Dawud (3748)
	• Mengucapkan terima kasih	Sunan Abi Dawud (4811)
	• Menjauhi perbuatan mengumpat, membuka aib	Sahih Muslim (2589)
	• Menjaga perasaan tuan rumah	Sahih Al-Bukhari (10)
Adab menyambut dan melayani tetamu	• Menyambut tetamu dengan niat yang ikhlas	Sahih Bukhari (6953)
	• Memuliakan tetamu	Sahih Bukhari (6136)
Adab sesama keluarga	• Toleransi dengan saling membantu dalam	Sahih Muslim (2586)

dan kaum kerabat	persiapan raya - Menjaga hubungan yang baik sesama ahli keluarga - Berpakaian sopan dan menutup aurat	Sahih Bukhari (5986) Sahih Muslim (338)
Adab berpakaian	- Pakaian mestilah tebal dan tidak terlalu nipis - Pakaian hendaklah longgar dan tidak terlalu sempit - Tidak berlebih-lebihan - Berpakaian tidak menyerupai pakaian jantina bertentangan	Sahih Muslim (2128) Musnad Imam Ahmad (21786) Sunan Nasaie (2559) Sunan Abi Dawud (4098)

4.3 Proses Penyediaan Infografik

Proses penyediaan merupakan suatu proses yang penting dalam rekaan infografik di mana proses ini melibatkan proses carian, proses pengumpulan hadith, proses analisis kandungan hadis melalui terjemahan dan syarah, penghasilan tema bagi adab-adab menyambut Syawal, pengkategorian adab beserta hadith dan proses menyusun ayat sebelum diletakkan dalam infografik. Susunan ayat ringkas tetapi padat dan menarik adalah salah satu ciri-ciri penghasilan infografik yang baik. Malah, bagi hadis, hanya diletakkan sanad perawi sahabat untuk memudahkan bacaan di samping turut disertakan sekali sumber hadith agar para pembaca dapat melakukan sendiri carian ke atas hadith dan sanad lengkap hadith dari para pengarang kitab-kitab hadith tertentu. Setelah susunan dan reka letak ayat dan perkataan telah siap, maka pemilihan reka bentuk grafik, warna serta visual yang bersesuaian dengan isi kandungan dapat dilakukan untuk memastikan grafik yang dipilih mampu menarik perhatian para pembaca. Visual yang dipilih oleh pengkaji bagi rekaan infografik ialah berbentuk grafik, ilustrasi dan gambar yang bersesuaian dengan tema adab Syawal beserta teks.

Hasil akhir rekaan bagi infografik mendapati bahawa sebanyak 30 buah infografik yang berjaya dilakukan oleh pengkaji di mana pengkaji menggunakan laman web Canva sebagai platform utama penghasilan infografik. Infografik-infografik ini seterusnya dimuat naik pada laman sesawang dan akaun media sosial rasmi milik Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (ISWAJ) iaitu akaun Facebook dan Instagram ISWAJ. Tujuan utama penyediaan infografik tersebut adalah untuk menyebarkan hadis berkaitan adab menyambut Syawal kepada masyarakat umum dan para pengikut laman sosial rasmi ISWAJ khususnya. Antara contoh bagi infografik-infografik yang telah disiapkan oleh pengkaji sepertimana Gambar 1 dan Gambar 2:



Gambar 1 Hadis meminta izin untuk berziarah



Gambar 2 Hadis memilih masa yang sesuai

5. Kesimpulan

Penggunaan media menjadi suatu medium yang penting dalam penyampaian, penyebaran dan penghimpunan pelbagai jenis ilmu kepada semua pengguna dunia maya serta khalayak masyarakat umumnya rentetan dari fenomena Internet telah menjadi sebahagian dari kehidupan manusia disebabkan oleh peranannya yang besar dalam menjalani kehidupan seharian, malah menyumbang kepada kemajuan teknologi pada masa kini. Maka, infografik sebagai salah satu inisiatif untuk menyampaikan maklumat dan ilmu pengetahuan merupakan suatu usaha yang terbaik dalam memastikan penyampaian yang berkesan dan meninggalkan kesan dalam golongan sasaran. Begitu juga dalam ilmu hadith di mana hadith berperanan dalam menyelesaikan isu-isu dan permasalahan yang berlaku dalam kalangan umat Islam di mana kepentingan hadith terutamanya dalam kehidupan umat Islam mendorong kepada keperluan untuk menyebarkan ilmu-ilmu dan pengetahuan berkaitan hadith dengan lebih meluas. Mengambil kira persekitaran digital pada masa kini, integrasi antara media dan penyebaran hadis merupakan suatu usaha yang terbaik seiring dengan perkembangan teknologi dan digital yang pesat pada era moden ini.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia kerana memberi ruang kepada penulis untuk menjalankan kajian berkaitan dengan tajuk ini. Ucapan terima kasih juga diberikan kepada semua pihak yang membantu semasa menjalankan tugas sebagai Latihan Industri.

Konflik Kepentingan

Penulis tiada konflik kepentingan dalam penulisan dan peenrbitan artikel ini.

Sumbangan Penulis

Penulis ingin menyatakan sumbangan setiap penulis dalam penulisan artikel ini seperti berikut: **konsep dan gaya penulisan:** Nurnajwa Izzati Ahmad, Nur Zainatul Nadra Zainol; **pengumpulan data:** Nurnajwa Izzati Ahmad; **analisis data dan interpertasi data:** Nurnajwa Izzati Ahmad, Nur Zainatul Nadra Zainol; **penyediaan draf penulisan:** Nurnajwa Izzati Ahmad, Nur Zainatul Nadra Zainol. Semua penulis telah menilai dapatan kajian dalam manuskrip akhir artikel ini.

Rujukan

- Abu Dawud. 2009. Sunan Abi Dawud. Dar Al-Risalah Al-Alimiah.
- Ahmad ibn Hanbal. 1995. Al-Musnad Li Al-Imam Ahmad Bin Hanbal. Dar Al-Hadith Kaherah.
- Al-Bukhari. 2002. Sahih Al-Bukhari. Dar Ibnu Kathir Li Al-Thiba'ah Wa Al-Nashr Wa Al-Tauzi' Damsyik-Beirut.
- Alif Nawi et. al. 2019. Keperluan Penggunaan Infografik Bagi Penyebaran Maklumat Kepada Netizen Tentang Usaha & Inisiatif Institusi Zakat Di Malaysia. eISBN: 978-967-17121-3-9. Proceedings of the 1st Kedah International Zakat Conference 2019 (KEIZAC 2019).
- Aliff Nawi et. al. 2020. Potensi Infografik dalam Menangani Persepsi Negatif Netizen Terhadap Institusi Zakat di Malaysia. Jilid 37(1) 2020: 274-294. Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication.
- Al-Tirmidzi. 1996. Al-Jami' Al-Kabir Li Imam Al-Hafiz Ibi Isa Muhammad Bin Isa Al-Tirmidzi. Dar Al-Gharb Al-Islami.
- Badr al-Din al-Aini. 2001. Umdat al-Qari Syarh al-Bukhari. Dar al-Kutub al-Ilmiah. Beirut Lubnan.
- Dewan Bahasa Dan Pustaka. 2024. Prpm.dbp.gov.my.
- Hidayah Mohd Fadzil. 2020. Pandangan Bakal Guru Awal Kanak Kanak Terhadap Penghasilan Infografik Kesihatan. Asia Pacific Journal of Educators and Education, 35(1), 55-73.
<https://doi.org/10.21315/apjee2020.35.1.4>
- Ibn Hajar Al-Asqalani. 1986. Kitab Fath al-Bari. Dar Al-Rayyan Li al-Turath. Kaherah.
- Mohamad Syamsul Aiman Mohamad Saufi et. al. 2019. Peranan Media Massa Sebagai Sebagai Agen Sosialisasi Dengan Memberikan Contoh-Contoh Yang Sesuai. Kursus Institusi Keluarga Dan Sekolah. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Mohd Hamizi, M. A. F. (2023). Penggunaan Media Sosial Sebagai Media Baharu dan Impaknya Terhadap Masyarakat Malaysia. Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan, 15, 24-37.
<https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.sp.3.2023>.
- Mohd Yaakub Mohd Yunus. (2017). IIUM International Islamic University Malaysia. Menyambut Aidilfitri Menurut Sunnah Rasulullah SAW. Pdf tazkirah; Menyambut Ramadan & Aidilfitri Menurut Sunnah Rasulullah S.A.W. Karya Bestari.
- Muslim. 2006. Sahih Muslim Al-Musamma Al-Musnad Al-Sahih Al-Mukhtasar Min Al-Sunan Bi Naql Al-Adl 'An Al-'Adl Ila Rasulullah. Dar Tayyibah Li Al-Nashr Wa Al-Tauzi'.
- Sharul Azim Sharudin et. al. 2020. Peranan Infografik dalam Meningkatkan Kesedaran Kesihatan Belia daripada Perspektif Pereka Grafik. Jilid 36(1) 2020: 356-368. Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication.
- Sue Howe. 2024. Social Media Statistics for Malaysia [Updated 2024]. Meltwater.com.
- Sunnah.com.
- Syams al-Din al-Azimabadi. 2005. Aun al-Ma'bud 'ala Syarh Sunan Abi Dawud. Dar Ibn Hazim. Beirut Lubnan.
- Tengku Zawani Tengku Zawawi. 2022. Peranan Dan Kepentingan Hadis Al-Nabawi Dalam Bimbingan Kaunseling Islam: Kajian Literatur. ISSN: 2785-8316. International Journal of Contemporary Issues Vol. 2, Issue 1, May 2022.
- Umar al-Ansari Ibn Al-Mulaqqin. 2008. Al-Taudih Li Syarh al-Jami' al-Sahih. Dar al-Nawadir, Syria-Damsyik-Qatar. Pentahqiq Dar al-Falah.

Wahyu Hidayat Abdullah et. al. 2018. Amalan Penggunaan Metode Syarah Al-Hadith Dalam Pengajian Hadith Di Institusi Masjid Di Daerah Muallim Negeri Perak. e-ISSN ISSN: 2289-6996. Sains Humanika 10: 3-4 (2018) 1-7.

Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2022). #1038: Adab Menyambut Hari Raya. Pelbagai, Soal Jawab Agama. MaktabahAlbakri.com.

Rujukan Perisian Online

Islamweb.com. 2024.

Jawami' Kalim

Maktabah Shamilah